



Ahmad (kiri) dan Ramly (tengah) pada **lawatan ke kilang Kumpulan Ramly** di Kuala Lumpur, semalam. (FOTO SALHANI IBRAHIM/BH)

Ramly sasar pendapatan RM2 bilion tahun 2018

Kumpulan Ramly, pengusaha perniagaan daging sejuk beku dan burger popular negara, menyasarkan pendapatannya akan melonjak kepada RM2 bilion menjelang 2018 berbanding RM1 bilion ketika ini.

Peningkatan itu susulan keupayaan kumpulan itu untuk memenuhi permintaan pasaran sedia ada dan kemampuannya meluaskan kehadiran ke pasaran baharu, berikutan tambahan kapasiti daripada kompleks pengeluaran baharunya di Pulau Indah, Selangor.

Pengasas dan Pengarah Urusan Kumpulan Ramly, Datuk Ramly Mokni, berkata fasa pertama yang dijadual siap akhir tahun depan, akan meningkatkan kapasiti pengeluarannya kepada 300 tan sehari berbanding 100 tan kini.

Katanya, kapasiti pengeluaran kompleks baharu seluas 8.5 hektar itu kemudian akan ditambah secara berperingkat sebanyak 300 tan lagi menerusi pembangunan fasa kedua yang akan turut menempatkan kilang pengeluaran produk vendor Kumpulan Ramly.

"Produk kami sudah dieksport ke Singapura, Thailand, Indonesia, Kemboja, Myanmar dan Bangladesh, namun kemudahan sedia ada kini sudah mencapai kapasiti penuh serta menghadkan usaha meneroka pasaran baharu.

Penenuhi permintaan domestik

"Menerusi pelaburan RM1 bilion ini, kompleks pengeluaran baharu diharapkan dapat menjana kapasiti pengeluaran tambahan untuk memenuhi permintaan domestik dan antarabangsa," katanya.

Beliau berkata demikian selepas lawatan Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Ahmad Maslan ke kilang Kumpulan Ramly di di Taman Perindustrian IKS Mukim Batu, Kuala Lumpur, semalam.

Mengulas lanjut, Ramly berkata, pihaknya menyasarkan untuk mengembangkan kehadiran produk ke pasaran baharu seperti negara ASEAN, rantau Asia Barat, pasaran Eropah, Jepun dan Korea Selatan.

Justeru, katanya, kompleks baharunya itu adalah kunci utama syarikat mencapai hasrat memperluaskan kehadiran produk bagi meraih potensi pasaran halal global yang mencecah AS\$2.3 trilion setahun.

Sementara itu, Ahmad berkata, kejayaan Kumpulan Ramly seharusnya menjadi contoh kepada seluruh rakyat untuk meminati dan menceburi bidang keusahawan bagi meningkatkan tahap sosioekonomi keluarga masing-masing.